



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## SIARAN MEDIA

---

**RAMADAN KESUMA: MEMARTABATKAN IBADAH, MEMPERKASA PEKERJA & MENYANTUNI MASYARAKAT**


---

PUTRAJAYA, (25 MAC 2025) – KESUMA dengan penuh kasih dan keprihatinan telah menganjurkan Majlis Ramadan Kesuma, sebuah program yang mendekatkan hati, menyemai nilai rohani, dan memperkukuh kebajikan dalam kalangan pekerja serta masyarakat. Program ini bertujuan memperkasakan **nilai rohani, memperkukuh semangat kebajikan, serta mengeratkan hubungan antara pekerja dan masyarakat**. Majlis ini diserikan dengan kehadiran para petugas KESUMA serta tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Tuan Guru Sheikh Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki.

Dalam ucapan Menteri KESUMA, beliau menyatakan bahawa kementerian akan terus berusaha **memperkasakan pekerja melalui pelbagai program latihan reskilling dan upskilling**. Latihan ini bertujuan memastikan pekerja memperoleh kemahiran yang relevan bagi menghadapi cabaran pasaran kerja yang semakin dinamik. Pekerja KESUMA digalakkan untuk memanfaatkan peluang yang disediakan oleh kementerian ini bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang masing-masing.

Dari perspektif akidah, hukum, dan akhlak, menjaga keimanan adalah elemen asas dalam membentuk hubungan yang harmoni di antara perusahaan dan pekerja serta mewujudkan keadilan sosial. Islam mengangkat **prinsip keadilan dan hak pekerja** dengan menekankan kepentingan kebajikan dan pemenuhan hak mereka. Dalam hal ini, peranan KESUMA dalam melatih dan mempertingkatkan ilmu pekerja sejajar dengan prinsip keadilan sosial, melahirkan tenaga kerja yang lebih berdaya saing, berpengetahuan, serta berakhlak tinggi.

KESUMA akan terus berusaha untuk memperluaskan peranannya dalam meningkatkan kesejahteraan pekerja dan keseimbangan sosial dalam masyarakat secara menyeluruh. Majlis Ramadan Kesuma ini membuktikan bahawa nilai-nilai Ramadan dapat diterapkan dalam kehidupan seharian pekerja, bukan sahaja dalam aspek kerohanian tetapi juga dalam memperkukuhkan peranan mereka dalam masyarakat.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**25 MAC 2025**

**LAMPIRAN****LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

**PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA**

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpkerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

**JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA**

| JABATAN                                            | AGENSI                                                      |
|----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| Jabatan Tenaga Manusia (JTM)                       | Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)                     |
| Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)                 | Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) |
| Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)                | Human Resources Development Corporation (HRDC)              |
| Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) | Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)             |
| Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)  | Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)              |
| Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)     |                                                             |
| Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)         |                                                             |
| Jabatan Tenaga Kerja Sabah                         |                                                             |
| Jabatan Tenaga Kerja Sarawak                       |                                                             |